**Syarat untuk pengundi pos di luar negara**
**MalaysiaKini.com**
**April 03, 2012**
**By Kuek Ser Kuang Keng**

Hanya rakyat Malaysia berdaftar dan pulang ke tanah air sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh lima tahun boleh menjaga pengundi pos, berdasarkan cadangan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

NONEMenerima keadaan itu, jawatankuasa khas parlimen (PSC) untuk penambahbaikan sistem pilihan raya pilihan raya memberi masa tiga bulan daripada hari ini untuk membincangkan pelaksanaannya dengan pihak berkuasa berkaitan.

Dalam laporan yang dibentangkan di Parlimen hari ini, ia turut menyatakan penguatkuasaan perlu dilakukan melalui penggubalan undang-undang.

Tempoh lima tahun akan dikira daripada sebelum tarikh pemilih memohon menjadi pengundi pos, kata laporan itu.

Sementara itu, Bernama melaporkan Laporan PSC juga mencadangkan SPR mengkaji kaedah pengundian terbaik untuk warganegara Malaysia di luar negara, termasuk menimbangkan kaedah pengundian awal tertakluk kepada pindaan undang-undang yang berkenaan.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
Source: http://www.malaysiakini.com/news/193942